Nor Mohhemmad bin Japdin & Lain-Lain lwn Majlis Perbandaran Seremban & Satu Yang Lain

MAHKAMAH TINGGI (SEREMBAN) — SP NO 24–226–92
FAIZA TAMBY CHIK H
26 MEI 1992

Persatuan Yang Tidak Diperbadankan *— Pertubuhan — Pembatalan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan — Bila pertubuhan menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang — Di mana terletak kuasa pemutus — Kesudahan pembatalan pendaftaran pertubuhan — Akta Pertubuhan 1966 ss 14(7), 17, 18(f) & 41(d)*

Defendan kedua membuat permohonan bagi mendapatkan perintah, antara lain, untuk mengetepikan injunksi, membatalkan saman pemula dan pembayaran ganti rugi yang ditaksirkan oleh plaintif. Defendan kedua berhujah bahawa perintah pembubaran sementara bertarikh 8 Februari telah dikeluarkan terhadap plaintif dan oleh kerana 30 hari telah berlalu semenjak tarikh perintah pembubaran sementara itu dan tiada rayuan telah dibuat oleh plaintif terhadap perintah pembubaran itu, maka Pendaftar Pertubuhan telah membatalkan pendaftaran plaintif mulai 11 Februari 1992 di bawah s 14(7) Akta Pertubuhan 1966 ('Akta itu'). Berikutan dengan pembatalan pendaftaran plaintif tersebut, maka s 41 dan s 42 Akta itu terpakai menjadikan plaintif satu pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Dengan itu plaintif tiada hak untuk menuntut apa-apa relif di mahkamah.

Diputuskan, menolak permohonan defendan kedua itu:

(1) Sebelum sesebuah pertubuhan yang dibatalkan pendaftarannya menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang seperti yang dibayangkan oleh s 41(d) Akta itu, perlulah pembatalan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan itu disahkan oleh Menteri yang berkenaan seperti yang dibayangkan oleh s 18(f) Akta itu.

(2) Adalah ternyata bahawa pihak plaintif telah mengemukakan rayuan mereka menurut s 18(f) Akta itu kepada Menteri berkenaan dan ianya dikemukakan dalam masa 30 hari daripada tarikh keputusan pendaftar. Adalah jelas bahawa rayuan tersebut adalah dalam pertimbangan Menteri berkenaan.

(3) Sehingga Menteri berkenaan membuat keputusan, dan keputusan itu adalah muktamad, maka pembatalan pendaftaran plaintif oleh Pendaftar Pertubuhan belumlah boleh dikatakan menjadikan plaintif satu pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Kuasa pemutus dalam hal ini adalah terletak ke atas Menteri berkenaan dan sehingga dan kecuali Menteri tersebut telah memutuskan seperti kehendak s 18(f) maka ss 41 dan 42 belumlah boleh terpakai.

(4) Mengenai s 17 pula, mana-mana pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya di bawah mana-mana peruntukan dalam Akta itu

dan pembatalan pendaftaran itu tidak semestinya telah menjadi mutlak dan pertubuhan itu menjadi satu pertubuhan haram, maka pegawai pemegang harta akan mengambil alih pentadbiran pertubuhan itu buat sementara waktu. Ini adalah padah atau kesudahan (consequences) apabila sesuatu pertubuhan telah dibatalkan pendaftarannya dan adalah satu tindakan pentadbiran sahaja.

[English summary

The second defendant made an application for an order, inter alia, to set aside an injunction, nullify an originating summons and the payment of damages assessed by the plaintiff. The second defendant contended that an order for temporary dissolution ('the order') dated 8 February was issued against the plaintiff, and as 30 days had passed since the date of the order, and there was no appeal by the plaintiffs against the order, the Registrar of Societies had cancelled the plaintiffs' registration effective 11 February 1992 under s 14(7) of the Societies Act 1966 ('the Act'). Following the cancellation of the plaintiffs' registration, the second defendants argued that ss 41 and 42 of the Act applied to make the plaintiffs an unlawful society. Therefore the plaintiffs are not entitled to seek any relief from the court.

Held, dismissing the second defendant's application:

(1) Before a society the registration of which has been cancelled becomes an unlawful society as envisaged by s 41(d) of the Act, the cancellation of the society's registration by the Registrar of Societies must be confirmed by the Minister concerned as envisaged by s 18(f) of the Act.

(2) It is clear that an appeal had been lodged by the plaintiffs in accordance with s 18(f) of the Act to the Minister concerned and this appeal was made within the timeframe of 30 days from the date of the registrar's decision. It is also clear that the appeal by the plaintiffs was being considered by the Minister concerned.

(3) Until the Minister concerned had made a decision which decision would be final, the cancellation of the plaintiffs' registration by the Registrar of Societies could not be said to make the plaintiffs an unlawful society. The decisive power in this matter lies with the Minister concerned and unless and until the Minister had decided as required under s 18(f), ss 41 and 42 cannot be applied as yet.

(4) Concerning s 17, any society, the registration of which had been cancelled under any provision of the Act, and the cancellation need not be absolute and the society made an unlawful society, then the Official Assignee will take over the administration of the society temporarily. This is the consequence upon cancellation of the registration of a society and it is only an administrative act.]

Kes-kes rujukan

1 *Mohamed Noor bin Othman & Ors v Haji Mohamed Ismail bin Haji Ibrahim & Ors* [1988] 3 MLJ 82 (dibeza)

2 *Vethanayagam v Karuppiah & Ors* [1968] 1 MLJ 283 (dibeza)

Undang-undang rujukan

Akta Pertubuhan 1966 ss 13(1)(d), 14(7), 17, 18(f), 41, 42

R Ledchumiah (*Ramamoorthy Ledchumiah & Co*) bagi pihak plaintif.
D Krishnan (*Halim & Ismail*) bagi pihak defendan kedua.

Faiza Tamby Chik H: Ini adalah permohonan defendan kedua bagi mendapatkan perintah untuk:

(a) mengetepikan injunksi bertarikh 25 April 1992;
(b) membatalkan saman pemula bertarikh 25 April 1992;
(c) pembayaran ganti rugi yang ditaksirkan oleh plaintif;
(d) kos;
(e) lain-lain perintah yang dianggap wajar oleh mahkamah yang mulia ini.

Peguambela yang bijaksana bagi pihak defendan kedua telah menghujahkan bahawa plaintif telah dibatalkan pendaftarannya pada 11 Februari 1992 dan oleh hal yang demikian plaintif tidak berhak untuk menuntut apa-apa relief di mahkamah ini. Dapat diperhatikan bahawa perintah pembatalan (ekshibit bertanda 'A' dalam kandungan 5) bertarikh 11 Februari 1992 dan pembatalan ini diperbuat di bawah s 13(1)(d) Akta Pertubuhan 1966 ('Akta tersebut') yang berbunyi:

> Tertakluk kepada seksyen-kecil (2), Pendaftar boleh dalam hal-hal yang berikut, membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7 —
>
> (d) apabila pertubuhan itu menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah seksyen 14(7) kerana tidak memberikan maklumat bertulis.

Dapat diperhatikan juga bahawa perintah pembubaran sementara bertarikh 8 Februari telah dikeluarkan terhadap plaintif dan oleh kerana 30 hari telah berlalu semenjak tarikh perintah pembubaran sementara itu dan tiada rayuan telah dibuat oleh plaintif terhadap perintah pembubaran sementara itu, maka Pendaftar Pertubuhan telah membatalkan pendaftaran plaintif mulai 11 Februari 1992. Seksyen 14(7) Akta tersebut berbunyi:

> Apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu atau, jika, ada sesuatu rayuan, apabila rayuan itu ditolak, maka perintah yang tersebut itu hendaklah menjadi mutlak dan pertubuhan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pendaftarannya hendaklah dibatalkan.

Seterusnya peguambela yang bijaksana bagi pihak defendan kedua telah menghujahkan bahawa berikutan dengan pembatalan pendaftaran plaintif tersebut oleh Pendaftar Pertubuhan maka s 41 dan s 42 Akta tersebut terpakai. Seksyen 41 berbunyi:

Pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

(1) Bagi maksud-maksud Akta ini mana-mana daripada pertubuhan-pertubuhan yang berikut adalah menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang iaitu —

(a) sesuatu pertubuhan atau sesuatu cawangannya yang telah diisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang oleh Menteri di bawah seksyen 5;
(b) sesuatu pertubuhan atau sesuatu cawangannya yang tidak didaftarkan di bawah seksyen 7;
(c) sesuatu cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar, jika cawangan itu telah ditubuhkan berlanggaran dengan subseksyen (1) seksyen 12, atau terus wujud berlanggaran dengan proviso kepada subseksyen (3) seksyen 12;
(d) sesuatu pertubuhan atau sesuatu cawangannya yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah seksyen 2A, 13, 14 atau 16.

dan seksaan-seksaan s 42 pula berbunyi:

Seksaan-seksaan bagi pemegang-jawatan, dsb pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

Mana-mana pemegang-jawatan dan mana-mana orang yang mengurus atau menolong dalam pengurusan mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Untuk menguatkan lagi hujah beliau, peguambela yang bijaksana itu telah memetik kes *Mohamed Noor bin Othman & Ors v Haji Mohamed Ismail bin Haji Ibrahim & Ors*[1] pada halaman 84 di mana Hashim Yeop A Sani HB (Malaya) (pada masa itu YAA seorang hakim Mahkamah Agung) berkata:

The parties who appeared before the learned judge in the instant case neither appeared as members or officials of a lawful society nor as persons otherwise having any rights or interests which can be recognized by the court. UMNO was unlawful by operation of law and being unlawful no member can acquire any right which is founded on that which is declared by law to be unlawful ... Indeed, as the learned judge correctly observed, ss 42 to 47 of the Act prescribed offences relating to an unlawful society ...

dan kes *Vethanayagam v Karuppiah & Ors*[2] di mana DYMM Sultan Azlan Shah (pada masa itu baginda seorang hakim Mahkamah Tinggi) menolak suatu usul oleh kerana

the Societies Act 1966, having declared the local branch to be unlawful, no member of the branch could acquire any right which was capable of being specifically enforced. Section 54(f) of the Specific Relief (Malay States) Ordinance 1950, prohibits the granting of an injunction to prevent the breach of a contract the performance of which would not be specifically enforced. The court could not, therefore, lend its aid to grant an injunction at the suit of the plaintiff, a member of the unlawful society to restrain the defendants from infringing the rules of the Constitution of the Malaysian-Indian Congress.

Saya berpendapat bahawa sebelum sesebuah pertubuhan yang dibatalkan pendaftarannya menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang seperti

yang dibayangkan oleh s 41(d) di atas, maka perlulah pembatalan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan itu disahkan oleh Menteri yang berkenaan seperti yang dibayangkan oleh s 18(f) Akta tersebut.

Adalah jelas bahawa sesebuah pertubuhan atau pemegang jawatan atau ahlinya yang terkilan (aggrieved) dengan keputusan pendaftar itu boleh merayu dalam masa 30 hari daripada tarikh keputusan yang dibuat oleh pendaftar kepada Menteri dan Menteri bolehlah mengesahkan, menolak atau mengubah keputusan pendaftar tersebut dan keputusan Menteri itu adalah muktamad.

Saya bersetuju dengan pendapat yang diutarakan oleh kedua-dua orang hakim yang arif dalam kedua-dua kes yang disebutkan itu. Akan tetapi kes-kes tersebut adalah berbeza dengan kes di hadapan saya. Dalam kedua-dua kes tersebut isunya adalah mengenai tafsiran yang wajar terhadap ss 12(3) dan 41(c) Akta tersebut, dan hak ahli-ahli pertubuhan yang menyalahi undang-undang (unlawful society). Adalah nyata di situ bahawa apabila sesuatu pertubuhan atau cawangannya (branch) diputuskan menjadi pertubuhan atau cawangan yang menyalahi undang-undang menurut s 12(3) Akta tersebut, maka ss 41 dan 42 Akta tersebut terpakai. Walhal dalam kes di hadapan saya perkara menyalahi undang-undang belum boleh dikatakan berlaku lagi kepada plaintif oleh kerana perintah pembatalan dibuat di bawah s 13(1)(d) dan s 13 bercakap mengenai pembatalan pendaftaran oleh pendaftar. Oleh hal yang demikian, plaintif bolehlah menggunakan proses rayuan di bawah s 18(f) Akta tersebut yang berbunyi: 'pembatalan pendaftaran pertubuhan di bawah seksyen 13'.

Bahasa yang digunakan adalah jelas (clear) dan terang (explicit) dan mahkamah mestilah melaksanakannya oleh kerana perkataan-perkataan Akta tersebut melafazkan niat badan perundangan (legislature).

Dalam kes di hadapan saya adalah ternyata bahawa pihak plaintif telah mengemukakan rayuan mereka kepada Menteri berkenaan pada 27 Februari 1992 dengan disokong oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga dipertua defendan pertama (ekshibit 'N7' and 'N8' kandungan 1) dan rayuan itu adalah menurut s 18(f) Akta tersebut dan ianya dikemukakan dalam masa 30 hari daripada tarikh keputusan pendaftar. Adalah jelas bahawa rayuan tersebut adalah dalam pertimbangan Menteri berkenaan. Surat Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia bertarikh 28 Mac 1992 berbunyi:

> Ruj Kami: RSM270/74/(54)
> Tarikh: 28 Mac 1992.
>
> Setiausaha,
> Persatuan Pemandu-Pemandu Kereta
> Sewa Negeri Sembilan,
> B2, Bangunan MARA, Jalan Lemon,
> Seremban, Negeri Sembilan.
>
> Tuan,
>
> Rayuan di bawah s 18
> Akta Pertubuhan 1966 Persatuan
> Pemandu-Pemandu Kereta Sewa Negeri

Adalah saya diarah merujuk kepada rayuan pertubuhan tuan bertarikh 27 Februari 1992 dan memaklumkan bahawa rayuan itu adalah dalam pertimbangan jabatan ini dan Kementerian Dalam Negeri.

2 Tuan akan dimaklumkan sebaik sahaja rayuan tuan itu diputuskan.

Sekian, terima kasih.
'Berkhidmat Untuk Negara'
Saya yang menurut perintah,
tt
(Su Tiong Yew)
bp Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia.
sk

(i) Penolong Pendaftar Pertubuhan,
Melaka/N Sembilan.
(Untuk makluman tuan Fail Tuan
PPP/NS 14/74 berkaitan.)

(ii) Pegawai Pemegang Harta Negeri Sembilan,
Pejabat Pemegang Harta,
Tingkat 7, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato Abdul Kadir,
70000 Seremban.
(Surat jabatan ini Bil RSM 270/74/(51) bertarikh 11 Februari 1992 berkaitan.)

Saya memutuskan bahawa sehingga Menteri berkenaan membuat keputusan, dan keputusan itu adalah muktamad, maka pembatalan pendaftaran plaintif oleh Pendaftar Pertubuhan belumlah boleh dikatakan menjadikan plaintif, satu pertubuhan yang menyalahi undang-undang seperti yang dibayangkan oleh s 41(d) Akta tersebut. Saya berpendapat kuasa pemutus dalam hal ini adalah terletak ke atas Menteri berkenaan dan sehingga dan kecuali Menteri tersebut telah memutuskan seperti kehendak s 18(f) maka s 41 dan s 42 belumlah boleh terpakai. Ini adalah jelas dengan perkataan-perkataan yang digunakan dalam s 18 tersebut yang di antara lain menyebut '... dan Menteri boleh mengesahkan, menolak atau mengubah keputusan Pendaftar itu dan keputusan Menteri itu adalah muktamad'.

Seperkara lagi peguambela yang bijaksana bagi pihak defendan kedua bertalu-talu menghujahkan bahawa s 14(7) Akta tersebut terpakai. Saya telah memetik s 14(7) di permulaan alasan penghakiman saya tadi dan saya berpendapat bahawa perkara-perkara 'apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu' bermaksud bahawa sebarang rayuan kepada pendaftar hendaklah dibuat dalam masa 30 hari daripada tarikh perintah pembubaran sementara dan jika maklumat-maklumat yang dinyatakan di dalam perintah pendaftar bertarikh 6 Mei 1987 kepada plaintif itu dibekalkan sebelum berakhirnya tempoh 30 hari tersebut maka pendaftar bolehlah membatalkan perintahnya terhadap plaintif di bawah s 14(6) Akta tersebut. Dan jika tiada rayuan sedemikian dilakukan oleh plaintif seperti yang ternyata dalam kes ini (lihat ekshibit 'N1' halaman 2 kandungan 8 yang berbunyi: 'Maka bahawasanya tiga puluh hari telah berlalu semenjak tarikh perintah pembubaran perintah sementara itu dan

A tiada rayuan telah dibuat terhadap perintah pembubaran sementara itu') maka menurut s 14(7):

> ... maka perintah yang tersebut itu hendaklah menjadi mutlak dan pertubuhan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pendaftarannya hendaklah dibatalkan.

B Akan tetapi, perintah pendaftar terhadap plaintif dalam kes ini hendaklah menjadi mutlak dan plaintif hendaklah dianggap menjadi suatu pertubuhan haram dan pendaftarannya hendaklah dibatalkan sekiranya tiada rayuan dibuat di bawah s 18(f). Seksyen 14(7) menyebut '... atau, jika, ada sesuatu rayuan, apabila rayuan itu ditolak, ...'. Di sini satu rayuan di bawah s 18(f) C ada dibuat pada 27 Februari 1992 (lihat ekshibit 'N2A' kandungan 8) dan rayuan itu masih lagi belum diputuskan (pending) dan perkataan-perkataan 'apabila rayuan itu ditolak' merujuk kepada penolakan atau pembuangan rayuan itu.

Mengenai s 17 pula, saya berpendapat bahawa mana-mana pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya di bawah mana-mana peruntukan D dalam Akta tersebut dan pembatalan pendaftaran itu tidak semestinya telah menjadi mutlak dan pertubuhan itu menjadi satu pertubuhan haram, maka pegawai pemegang harta akan mengambil alih pentadbiran pertubuhan itu buat sementara waktu. Ini adalah padah atau kesudahan (consequences) apabila sesuatu pertubuhan telah dibatalkan pendaftarannya dan adalah E satu tindakan pentadbiran sahaja. Perkara ini adalah jelas daripada surat Penolong Pegawai Pemegang Harta Negeri Sembilan bertarikh 20 Mei 1992 (lihat ekshibit 'N4' kandungan 8) yang menyatakan bahawa tindakan beliau adalah bersifat sementara sahaja, sementara menunggu keputusan rayuan plaintif di bawah s 18(f). Seksyen 17 antara lain berbunyi:

F > ... atau apabila pendaftaran sesuatu pertubuhan berdaftar dibatalkan di bawah mana-mana peruntukan dalam Akta ini maka hendaklah terbit akibat-akibat yang berikut —

Adalah jelas bahawa pembubaran pendaftaran yang disebutkan di atas adalah di bawah sebarang peruntukan dalam Akta tersebut untuk maksud pentadbiran sahaja oleh kerana pengawai pemegang harta dalam menjalankan G kuasanya dikehendaki berurusan dengan pegawai-pegawai pertubuhan itu lagi.

Hujah Encik Daluma Krishna yang mengatakan bahawa 'atau, jika, ada sesuatu rayuan, apabila rayuan itu ditolak' adalah merujuk kepada rayuan kepada pendaftar dalam masa 30 hari setelah pembubaran sementara dibuat H yang telah ditolak oleh pendaftar adalah tidak berasas sama sekali oleh kerana perkataan 'apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu' adalah merujuk kepada rayuan itu sendiri jika rayuan itu ada dikemukakan dan mestilah dikemukakan dalam tempoh 30 hari. Walau bagaimanapun, sama ada rayuan tersebut ada dikemukakan atau tidak, adalah jelas daripada perkataan-perkataan 'apabila habis tempoh tiga puluh I hari dari tarikh perintah sementara itu' merujuk secara khusus kepada rayuan tersebut sama ada ianya dilakukan atau tidak dan oleh itu adalah jelas dan nyata bahawa perkataan-perkataan 'apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu' merujuk kepada rayuan di

bawah s 18 Akta tersebut dan apabila rayuan di bawah s 18 telah diputuskan oleh Menteri berkenaan maka baharulah keputusan mengenai perintah pendaftar menjadi mutlak (absolute) oleh kerana keputusan yang dibuat oleh Menteri itu adalah muktamad. A

Adalah jelas dan terang bahawa niat badan perundangan adalah untuk memberi kuasa pemutus kepada Menteri berkenaan sahaja bukannya kepada Pendaftar Pertubuhan. Permohonan defendan kedua dengan ini ditolak dengan kos. B

Permohonan defendan kedua ditolak.

Dilaporkan oleh Shaiffudin bin Saruwan C

D

E

F

G

H

I